

Mahathir: Pentadbir amatur tidak lagi mempunyai tempat di negara membangun

KUALA LUMPUR, Selasa.— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menegaskan bahawa seseorang pentadbir amatur tidak lagi mempunyai tempat di negara-negara membangun seperti Malaysia.

Sebaliknya, kata beliau, sesebuah negara membangun memerlukan khidmat pentadbir yang terlatih sebagai seorang professional dalam bidang tertentu.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, pentadbir amatur tidak lagi mempunyai tempat kerana pentadbiran sekarang bukannya seperti di zaman-zaman selepas merdeka yang hanya memberi tumpuan kepada 'pentadbiran penyelenggaraan.'

Timbalan Perdana Menteri menghuraikan perkara ini sewaktu berucap merasmikan seminar Ke arah Penggunaan Komputer Yang Lebih Berkesan Di Malaysia, anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, di sini pagi tadi.

"Dengan pembangunan yang amat pesat dalam berbagai sektor ekonomi negara kita, proses-proses pentadbiran dan operasi-operasi yang berkaitan dengannya juga turut menjadi kompleks.

"Oleh itu tidaklah neleranjatkan bahawa dalam masa satu dekad yang lampau semakin banyak agensi Kerajaan

telah mula menggunakan komputer dalam operasi mereka.

"Penggunaan komputer juga turut berubah dari aplikasi-aplikasi seperti perakaunan, penyediaan bil dan analisa perangkaan, kepada aplikasi-aplikasi lebih sophisticated seperti sistem pengurusan maklumat dan membuat keputusan," katanya.

Menurut Datuk Seri

Dr. Mahathir, peranan sektor awam sekarang kian bertambah, perkhidmatan Kerajaan semakin kompleks dan perkhidmatan berkenaan pula perlu disampaikan dengan lebih cepai.

Berdasarkan kepada hakikat inilah Kerajaan mengambil langkah memodenkan pentadbiran negara termasuk mengukuhkan jentera pusat Kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

11, 419 / 8222 / 87